



NEGERI PULAU PINANG

# Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

*GOVERNMENT OF PENANG GAZETTE*

*PUBLISHED BY AUTHORITY*

---

---

**Jld. 45**

**13 September 2001**

**No. 19**

---

---

AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976

LOCAL GOVERNMENT ACT 1976


**No. 243.**

PEMBERITAHUAN DI BAWAH SUBSEKSYEN 7(1)  
NOTIFICATION UNDER SUBSECTION 7(1)

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 7(1) Akta Akta 171. Kerajaan Tempatan 1976, Pihak Berkuasa Negeri dengan ini mengenakan semua peruntukan-peruntukan Akta ini dan semua undang-undang kecil yang dibuat di bawahnya kepada kawasan tebusguna dari Jambatan Pulau Pinang ke Batu Maung yang termasuk di dalam daerah-daerah pentadbiran di sebelah timur sebahagian Mukim 13, Daerah Timur Laut dan sebahagian Mukim 12, Daerah Barat Daya, Pulau Pinang seperti yang ditunjukkan di dalam Jadual mulai 7 Mac 2001.

In exercise of the powers conferred by subsection 7(1) of the Local Government Act 1976, the State Authority hereby apply all the provisions Act 171. of this Act and all by-laws made under it to the reclaimed area from the Penang Island bridge to Batu Maung comprised in the administrative district on the eastern side of part of Mukim 13 North East District and part of Mukim 12, South West District Penang Island as shown in the Schedule with effect from 7th March 2001.

JADUAL/SCHEDULE



Bertarikh 15 Ogos 2001.

Dated 15 August 2001.

[JU/P/WK/1; PSUK/PP/004.9.1.5. Jld. 4;

PU/PP 3407 Jld. 1.]

NG WEE KOK,  
Setiausaha,  
Majlis Mesyuarat Kerajaan,  
Pulau Pinang

AKTA PERANCANGAN BANDAR DAN DESA 1976

TOWN AND COUNTRY PLANNING ACT 1976

**No. 244.**

PEMBERITAHUAN DI BAWAH SUBSEKSYEN 5(2)

NOTIFICATION UNDER SUBSECTION 5(2)

*Akta 172.*


Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 5(2) Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976, Pihak Berkuasa Negeri dengan ini mengisytiharkan bahawa kawasan tebusguna dari Jambatan Pulau Pinang ke Batu Maung yang termasuk di dalam daerah-daerah pentadbiran di sebelah timur sebahagian Mukim 13, Daerah Timur Laut dan sebahagian Mukim 12, Daerah Barat Daya, Pulau Pinang seperti yang ditunjukkan di dalam Jadual sebagai kawasan dalam mana peruntukan Akta ini hendaklah terpakai mulai 7 Mac 2001.

*Act 172.*

In exercise of the powers conferred by subsection 5(2) of the Town and Country Planning Act 1976, the State Authority hereby declare the reclaimed area from the Penang Island bridge to Batu Maung comprised

in the administrative district on the eastern side of part of Mukim 13 North East District and part of Mukim 12, South West District Penang Island as shown in the Schedule to be an area in which the provisions of this Act shall apply with effect from 7th March 2001.

JADUAL/SCHEDULE



Bertarikh 15 Ogos 2001.

Dated 15 August 2001.

[JU/P/WK/1; PSUK/PP/004.9.1.5. Jld. 4;

PU/PP 3407 Jld. 1.]

NG WEE KOK,  
Setiausaha,  
Majlis Mesyuarat Kerajaan,  
Pulau Pinang

**No. 245.**


PEMBERITAHUAN DI BAWAH SUBSEKSYEN 5(3)  
NOTIFICATION UNDER SUBSECTION 5(3)

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 5(3) Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976, Pihak Berkuasa Negeri dengan ini melantik Majlis Perbandaran Pulau Pinang sebagai pihak berkuasa perancangan tempatan untuk kawasan tebusguna dari Jambatan Pulau Pinang ke Batu Maung yang termasuk di dalam daerah-daerah pentadbiran di sebelah timur sebahagian Mukim 13, Daerah Timur Laut dan sebahagian Mukim 12, Daerah Barat Daya, Pulau Pinang seperti yang ditunjukkan di dalam Jadual. Akta 172.

In exercise of the powers conferred by subsection 5(3) of the Town and Country Planning Act 1976, the State Authority hereby appoints the Municipal Council of Penang Island as the local planning authority for the Act 172.

reclaimed area from the Penang Island bridge to Batu Maung comprised in the administrative district on the eastern side of part of Mukim 13 North East District and part of Mukim 12, South West District Penang Island as shown in the Schedule.

JADUAL/SCHEDULE



Bertarikh 15 Ogos 2001.

Dated 15 August 2001.

[JU/P/WK/1; PSUK/PP/004.9.1.5. Jld. 4;

PU/PP 3407 Jld. 1.]

NG WEE KOK,  
Setiausaha,  
Majlis Mesyuarat Kerajaan,  
Pulau Pinang

AKTA JALAN, PARIT DAN BANGUNAN 1974  
STREET, DRAINAGE AND BUILDING ACT 1974

No. 246.

PEMBERITAHUAN DI BAWAH SUBSEKSYEN 1(6)

NOTIFICATION UNDER SUBSECTION 1(6)

Akta 133.


Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 1(6) Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974, Pihak Berkuasa Negeri dengan ini meluaskan pemakaian semua peruntukan Akta ini kecuali subseksyen 72(2) dan 72(3) dan semua undang-undang kecil yang dibuat di bawahnya kepada kawasan

tebusguna dari Jambatan Pulau Pinang ke Batu Maung yang termasuk di dalam daerah-daerah pentadbiran di sebelah timur sebahagian Mukim 13, Daerah Timur Laut dan sebahagian Mukim 12, Daerah Barat Daya, Pulau Pinang seperti yang ditunjukkan di dalam Jadual mulai 7 Mac 2001.

In exercise of the powers conferred by subsection 1(6) of the Street, Drainage and Building Act 1974, the State Authority hereby extend the application of all the provisions of this Act except subsections 72(2) and 72(3) and all by-laws made thereunder to the reclaimed area from the Penang Island bridge to Batu Maung comprised in the administrative district on the eastern side of part of Mukim 13, North East District and part of Mukim 12, South West District Penang Island as shown in the Schedule with effect from 7th March 2001.

Act 133.

JADUAL/SCHEDULE



Bertarikh 15 Ogos 2001.

Dated 15 August 2001.

[JU/P/WK/1; PSUK/PP/004.9.1.5. Jld. 4;

PU/PP 3407 Jld. 1.]

NG WEE KOK,  
Setiausaha,  
Majlis Mesyuarat Kerajaan,  
Pulau Pinang

KANUN TANAH NEGARA  
(Akta 56 Tahun 1965)

**No. 247.**

(Seksyen 97 dan 98)

NOTIS TUNTUTAN HASIL TERHUTANG

Kepada Encik Teh Ang Ngok yang beralamat di 1460, Jalan Besar, 14200 Sungai Bakap, tuan punya tanah/tanah yang tersebut dalam ruangan satu dan dua dalam Jadual di bawah ini.

Bahawasanya hasil dikehendaki, dalam tempoh tiga bulan dari tarikh notis ini disampaikan supaya membayar di Pejabat Tanah Seberang Perai Selatan, 14200 Sungai Jawi, segala wang yang sekarang ini kena dibayar sebagaimana yang tercatat dalam ruangan tiga hingga enam dalam Jadual itu dan yang dijumlahkan dalam ruangan akhirnya.

Dan lagi adalah diberi notis bahawa, jika jumlah/mana-mana daripada jumlah yang dinyatakan di ruangan akhir itu tidak dibayar dengan sepenuhnya dalam tempoh tiga bulan yang tersebut itu, maka saya yang bertandatangan di bawah ini, menurut kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 100, Kanun Tanah Negara, akan mengisytiharkan dengan jalan perintah tanah/tanah-tanah yang berkenaan itu dirampas dan menjadi hak Pihak Berkuasa Negeri.

JADUAL TANAH DAN HUTANG-HUTANG

Mukim 15, Seberang Perai Selatan, Jenis dan No. Hakmilik—Geran No. 49551; No. Lot/P.T.—Lot 1648; Hasil Tahun Ini—Tanah RM79.00, Parit RM40.00; Hutang Dari Tahun-tahun Yang Lepas—RM814.00, RM678.00; Bayaran Dan Lain-lain Yang Dikenakan Sebagai Hasil—RM1112.54, RM1109.37; Bayaran-bayaran terhutang—Notis 6A RM10.00; Jumlah Kena Dibayar—RM2005.54, RM1827.37—RM3,842.91.

Catatan:

1. Tanah digadai kepada MBF Finance Bhd. Tingkat 22, Plaza MBF, Jalan Ampang Kuala Lumpur—melalui Gadaian Persn. No. 2288/84 Jilid 290 Folio 91 bth. 23-2-1984.
2. Tanah dimasukkan kaveat Persendirian oleh Encik Ooi Chim Yong, 6557, Kampung Gajah, 12300 Butterworth melalui Kaveat Jilid 528 Folio 68 bth. 23-12-1997.

Bertarikh 13 Ogos 2001.  
[PTSPS/F/160(110/1997).]

ROSNAH BINTI ISMAIL,  
b.p. Pentadbir Tanah,  
Seberang Perai Selatan

**No. 248.**

(Seksyen 168)

NOTIS-NOTIS BERKENAAN DENGAN CADANGAN HENDAK MENGELUARKAN  
HAKMILIK SAMBUNGAN (ATAU SURATAN YANG DIKELUARKAN YANG  
BAHARU SEBAGAI GANTINYA)

Pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 168, Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan hendak menggantikan surat hakmilik yang dikeluarkan bagi tanah yang tersebut dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab yang berikut:

Untuk menggantikan dokumen hakmilik tetap keluaran yang telah hilang

JADUAL

Bandar—Seksyen 2, Bukit Mertajam, Seberang Perai Tengah; No. Lot—Lot 147;  
Jenis dan No. Hakmilik—Gt. 22530; Luas—891 Kaki Persegi.

Bertarikh 7 Ogos 2001.  
[PTG/PP/76/Jld. 34.]

SHAARI BIN YAACOB,  
b.p. Pendaftar Hakmilik Tanah,  
Negeri Pulau Pinang

**No. 249.**

Pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 168, Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan hendak menggantikan surat hakmilik yang dikeluarkan bagi tanah yang tersebut dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab yang berikut:

Untuk menggantikan dokumen hakmilik tetap keluaran yang telah hilang

JADUAL

Bandar—Seksyen 2, Bukit Mertajam, Seberang Perai Tengah; No. Lot—Lot 148;  
Jenis dan No. Hakmilik—Gt. 22531; Luas—891 Kaki Persegi.

Bertarikh 7 Ogos 2001.  
[PTG/PP/76/Jld. 34.]

SHAARI BIN YAACOB,  
b.p. Pendaftar Hakmilik Tanah,  
Negeri Pulau Pinang

**No. 250.**

Pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 168, Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan hendak menggantikan surat hakmilik yang dikeluarkan bagi tanah yang tersebut dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab yang berikut:

Untuk menggantikan dokumen hakmilik tetap keluaran yang telah hilang

JADUAL

Bandar—Seksyen 6, Georgetown, Daerah Timur Laut; No. Lot—Lot 891; Jenis dan No. Hakmilik—Gt. 17256; Luas—1771 Kaki Persegi.

Bertarikh 7 Ogos 2001.  
[PTG/PP/76/Jld. 34.]

SHAARI BIN YAACOB,  
b.p. Pendaftar Hakmilik Tanah,  
Negeri Pulau Pinang

**No. 251.**

Pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 168, Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan hendak menggantikan surat hakmilik yang dikeluarkan bagi tanah yang tersebut dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab yang berikut:

Untuk menggantikan dokumen hakmilik tetap keluaran yang telah hilang

JADUAL

Bandar—Seksyen 19, Georgetown, Daerah Timur Laut; No. Lot—Lot 385; Jenis dan No. Hakmilik—Gt. 42489; Luas—3119 Kaki Persegi.

Bertarikh 7 Ogos 2001.  
[PTG/PP/76/Jld. 34.]

SHAARI BIN YAACOB,  
b.p. Pendaftar Hakmilik Tanah,  
Negeri Pulau Pinang

**No. 252.**

Pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 168, Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan hendak menggantikan surat hakmilik yang dikeluarkan bagi tanah yang tersebut dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab yang berikut:

Dokumen hakmilik keluaran telah hilang

JADUAL

Mukim—3, Seberang Perai Tengah; No. Lot—786; Jenis dan No. Hakmilik—GM 285; Luas—0.919 Ekar.

Bertarikh 17 Ogos 2001.  
[PTSPT/D/1494.]

HALIMAHTON BINTI RAHMAT,  
b.p. Pentadbir Tanah,  
Seberang Perai Tengah,  
Bukit Mertajam

**No. 253.**

(Seksyen 187B)

NOTIS-NOTIS MENGENAI CADANGAN HENDAK MENGELUARKAN DOKUMEN  
HAKMILIK KELUARAN SEMENTARA YANG BARU

Pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 187B, Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan untuk menggantikan dokumen hakmilik keluaran sementara bagi tanah yang diperihalkan dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab yang berikut:

Untuk menggantikan suratan hakmilik keluaran yang telah hilang

JADUAL

Mukim—Mukim 1, Seberang Perai Tengah; No. P.T.—PTBM/C.005; Perihal dan No. Hakmilik—H.S(D) 1781; Luas—3100 Kaki Persegi.

Bertarikh 7 Ogos 2001.  
[PTG/PP/76/Jld. 34.]

SHAARI BIN YAACOB,  
b.p. Pendaftar Hakmilik Tanah,  
Negeri Pulau Pinang

**No. 254.**

Pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 187B, Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan untuk menggantikan dokumen hakmilik keluaran sementara bagi tanah yang diperihalkan dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab yang berikut:

Untuk menggantikan suratan hakmilik keluaran yang telah hilang

JADUAL

Mukim—Mukim 14, Mak Mandin Industrial Estate, Seberang Perai Utara; No. Lot/P.T.—PDB/3/64; Perihal dan No. Hakmilik—H.S(D) P.W.N 24; Luas—10 Ekar.

Bertarikh 7 Ogos 2001.  
[PTG/PP/76/Jld. 34.]

SHAARI BIN YAACOB,  
b.p. Pendaftar Hakmilik Tanah,  
Negeri Pulau Pinang

**No. 255.**

Pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 187B, Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan untuk menggantikan dokumen hakmilik keluaran sementara bagi tanah yang diperihalkan dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab yang berikut:

Untuk menggantikan suratan hakmilik keluaran yang telah hilang

## JADUAL

Bandar—Seksyen 2, Georgetown, Daerah Timur Laut; No. P.T.—PTTL/PP/LS/13/2/20; Perihal dan No. Hakmilik—H.S(D) 263; Luas—3832 Kaki Persegi.

Bertarikh 7 Ogos 2001.  
[PTG/PP/76/Jld. 34.]

SHAARI BIN YAACOB,  
b.p. Pendaftar Hakmilik Tanah,  
Negeri Pulau Pinang

**No. 256.**

Pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 187B, Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan untuk menggantikan suratan hakmilik keluaran sementara yang dikeluarkan bagi tanah yang tersebut dalam Jadual di bawah ini atas sebab yang berikut:

Dokumen hakmilik keluaran telah hilang

## JADUAL

Mukim—16, Seberang Perai Tengah; No. Lot—2639, 2589 dan 2591; Jenis dan No. Hakmilik—Suratan Hakmilik Sementara HS(M) 815, 458 dan 460; Luas—1039, 340.70 dan 41.60 Meter Persegi.

Bertarikh 17 Ogos 2001.  
[PTSPT/D/1493.]

HALIMAHTON BINTI RAHMAT,  
b.p. Pentadbir Tanah,  
Seberang Perai Tengah,  
Bukit Mertajam

**No. 257.**

Pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 187B, Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan untuk menggantikan suratan hakmilik keluaran sementara yang dikeluarkan bagi tanah yang tersebut dalam Jadual di bawah ini atas sebab yang berikut:

Dokumen hakmilik keluaran telah hilang

JADUAL

Mukim—13, Seberang Perai Tengah; No. Lot—215; Jenis dan No. Hakmilik—  
Suratan Hakmilik Sementara HS(M) 115; Luas—5,034 Kaki Persegi.

Bertarikh 17 Ogos 2001.  
[PTSPT/D/1487.]

HALIMAHTON BINTI RAHMAT,  
b.p. Pentadbir Tanah,  
Seberang Perai Tengah,  
Bukit Mertajam

**No. 258.**

Pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 187B, Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan untuk menggantikan suratan hakmilik keluaran sementara yang dikeluarkan bagi tanah yang tersebut dalam Jadual di bawah ini atas sebab yang berikut:

Dokumen hakmilik keluaran telah hilang

JADUAL

Mukim—11, Seberang Perai Tengah; No. Lot—4391; Jenis dan No. Hakmilik—  
Suratan Hakmilik Sementara HS(M) 250; Luas—1324 Kaki Persegi.

Bertarikh 17 Ogos 2001.  
[PTSPT/D/1492.]

HALIMAHTON BINTI RAHMAT,  
b.p. Pentadbir Tanah,  
Seberang Perai Tengah,  
Bukit Mertajam

**No. 259.**

(Seksyen 263)

PERINTAH JUALAN ATAS PERMINTAAN PEMEGANG GADAIAN

Saya, Haji Mohd. Saad bin Haji Sulaiman, Pentadbir Tanah, setelah menjalankan siasatan atas permohonan pemegang gadaian dalam gadaian yang diperihalkan dalam Jadual di bawah ini bagi tanah/bahagian yang tidak dipecahkan atas tanah/pajakan/pajakan kecil yang diperihalkan sedemikian dan setelah puas hati bahawa tidak ada apa-apa sebab yang bertentangan.

Dengan ini, pada menjalankan kuasa yang diberi oleh seksyen 263, Kanun Tanah Negara, perintah supaya dijual tanah/bahagian yang tidak dipecahkan atas tanah/pajakan/pajakan kecil yang tersebut itu.

Dan selanjutnya saya perintah—

(a) bahawa jualan itu hendaklah dengan jalan lelong awam, yang akan diadakan pada 27 September 2001, jam 10.00 pagi di Pejabat Tanah, Seberang Perai Tengah; dan

(b) bahawa harga rizab bagi maksud jualan itu ialah RM480,000.00.

2. Saya dapati bahawa amaun yang kena dibayar kepada pemegang gadaian itu pada tarikh ini ialah RM475,464.13 sehingga 19-6-2001.

#### JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Bandar/Pekan/Mukim—Mukim 17, Seberang Perai Tengah; No. Lot/Petak/P.T.—P.T. No. PTBM/C/025; Jenis dan No. Hakmilik—H.S.(M) 18; Bahagian Tanah (jika ada)—Kesemua; No. Berdaftar Gadaian (jika ada)—Persn. No. 2781/97 Jilid No. 141 Folio No. 36 dan Persn. No. 2782/97 Jilid No. 141 Folio No. 37.

Bertarikh 21 Ogos 2001.

[PTSPT/D/1445.]

HAJI MOHD. SAAD BIN HAJI SULAIMAN,  
Pentadbir Tanah,  
Seberang Perai Tengah,  
Bukit Mertajam

#### No. 260.

(Seksyen 326)

#### NOTIS BERKENAAN DENGAN CADANGAN HENDAK MEMOTONG KAVEAT

Kepada Ooi Ah Mat @ Ng Kwang Meng beralamat di 1192 Tasik Gelugor, 13300 Seberang Perai Utara dan yang atas permintaannya Kaveat Persendirian Berdaftar No. Jilid 618 Folio 15 adalah dimasukkan ke dalam hakmilik bagi tanah yang diperihalkan dalam Jadual di bawah ini.

Bahawasanya kaveat di atas itu adalah dimaksudkan supaya mengikat tanah itu sendiri.

Dan bahawasanya tuan punya tanah telah membuat permohonan kepada saya supaya kaveat yang tersebut itu dipotong.

Adalah diberi notis bahawa, pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 326, Kanun Tanah Negara, saya akan, apabila habis tempoh dua bulan dari tarikh penyampaian notis ini, atau sesuatu tempoh yang lebih lanjut (jika ada) sebagaimana yang diperintah oleh Mahkamah, memotong kaveat itu.

JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Bandar/Pekan/Mukim—Mukim 14, Seberang Perai Tengah; No. Lot/Petak/P.T.—  
Lot 1152; Jenis dan No. Hakmilik—Geran 43474; Bahagian Tanah (jika ada)—  
Kesemua; No. Berdaftar Gadaian (jika ada)—21054/98 Jilid 804 Folio 49.

Bertarikh 5 April 2001.  
[PPHMT/PP/C/505/31 (97).]

MOHD SUBHI BIN ZERAI,  
b.p. Pendaftar Hakmilik Tanah,  
Pulau Pinang

**PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD**

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik mekanikal, fotokopi, rakaman atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada **Percetakan Nasional Malaysia Berhad**.  
(Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik).



DICETAK OLEH  
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD  
CAWANGAN ALOR SETAR  
BAGI PIHAK DAN DENGAN PERINTAH KERAJAAN MALAYSIA